

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PENGAWAS HUTAN

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pengawas Hutan Gred G11, G14.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia, (JPMS), Jabatan Perhutanan Negeri dan Institut Latihan Perhutanan.

3. RINGKASAN TUGASAN

Jabatan Perhutanan Negeri - Bertanggungjawab menjalankan kerja dalam melaksanakan setiap aktiviti pembangunan hutan, pengusahasilan hutan, industri berasaskan kayu, pengeluaran hasil hutan, hutan lipur, tapak semaian dan penguatkuasaan undang-undang mengikut Akta Perhutanan Negara.

Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak - Bertanggungjawab sebagai ketua dan pegawai bertanggungjawab bagi menyelia dan memantau aktiviti-aktiviti perhutanan supaya sejajar dengan peraturan dan dasar serta polisi kerajaan dengan melaksanakan tugas pentadbiran dan pengurusan di lapangan di hutan bagi kerja-kerja pembangunan hutan, pengurusan hutan, operasi hutan, penyelidikan hutan, industri perikanan, ladang hutan, pewartaan kawasan hutan di lapangan termasuk tugas-tugas penguatkuasaan Ordinan Hutan, Ordinan Taman Negara dan Ordinan Hidupan Liar. Skop dan bidang tugas Pengawas Hutan di Jabatan Hutan Sarawak ini tertakluk kepada kepelbagaian fungsi unit dan bahagian di mana mereka ditempatkan. Terdapat 10 bahagian dan empat pejabat hutan wilayah di Jabatan Hutan Sarawak.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Pengawas Hutan Gred G11, G14

- a. Mengawasi dan menjaga kawasan berhutan di dalam persempadanan Renj Hutan. (Hutan Simpanan Kekal dan Hutan Tanah Kerajaan).
- b. Menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan undang-undang dan diberi kuasa berdasarkan peruntukan di dalam Akta Perhutanan Negara seperti menahan, menangkap dan menyita.

- c. Menjalankan kerja sukatan dan membuat taksiran cukai bagi pengeluaran hasil hutan di Balai Pemeriksaan Hutan (Hutan Darat dan Hutan Paya Laut).
- d. Menyediakan laporan-laporan berkaitan setiap aktiviti pembangunan hutan, pengusahasilan hutan dan pemantauan kawasan berhutan di dalam kawasan renj kepada Renjer Hutan.
- e. Menjalankan kerja penyediaan sempadan lesen di dalam Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Milik serta aktiviti penandaan pokok bagi kawasan kelulusan membalak.
- f. Memantau aktiviti pengusahasilan bagi setiap kawasan lesen yang diluluskan mengikut garis panduan MS ISO 9001:2008 dan pensijilan MC&I.
- g. Menjalankan kerja bagi aktiviti inventori hutan sebelum dan selepas tebaran, penyediaan petak kajian, kawasan Hutan Simpanan Dara (VJR), aktiviti tanaman mengaya, aktiviti penandaan sempadan luar hutan simpan dan aktiviti-aktiviti pembangunan hutan lain.
- h. Menjalankan kerja aktiviti rondaan ke atas kawasan Hutan Simpanan Kekal dan Hutan Tanah Kerajaan bagi mencegah pencerobohan dan pembalakan haram. (Hutan Darat dan Hutan Paya Laut).
- i. Menjalankan kerja berkaitan setiap aktiviti di hutan lipur di bawah jagaan renj hutan.
- j. Menjalankan kerja berkaitan setiap aktiviti di tapak semaian di bawah jagaan renj hutan.
- k. Menjalankan kerja dan mengawasi setiap kilang di bawah industri berasaskan kayu di dalam jagaan renj hutan.
- l. Menjalankan kerja bagi setiap aktiviti di Unit Penguatkuasaan Hutan, Pejabat Perhutanan Negeri bagi tugas-tugas di lapangan seperti semakan kawasan lesen, siasatan aduan awam, rondaan, serbuan, tangkapan, sekatan jalan raya, operasi bersepadu, semakan industri berasaskan kayu dan aktiviti penguatkuasaan lain mengikut Akta Perhutanan Negara. (Hutan Darat dan Hutan Paya Laut).
- m. Menjalankan kerja bagi setiap aktiviti di Unit Pembangunan Hutan, Pejabat Perhutanan Negeri bagi tugas aktiviti pembangunan hutan dalam menyediakan kawasan tender/sebut harga seterusnya memantau dan mengawasi pelaksanaan mengikut spesifikasi sehingga selesai. (Hutan Darat dan Hutan Paya Laut).

- n. Membantu Renjer Hutan dalam menjalankan setiap aktiviti pengusahasilan hutan, pembangunan hutan dan penguatkuasaan hutan.
- o. Menjadi pembantu tenaga pengajar terutamanya dalam bidang kerja di lapangan yang memerlukan kemahiran dan kepakaran.

4.1. Pengawas Hutan Gred G11 dan G14

- a. Menyelia tugas-tugas di lapangan bagi kerja-kerja pengumpulan data dan rekod serta perlaksanaan arahan kerja di pejabat dan lapangan yang berkaitan dengan fungsi unit/ bahagian/ jabatan.
- b. Memantau kerja-kerja pembangunan hutan, pengurusan hutan, operasi hutan, penyelidikan hutan, industri perkayuan, ladang hutan dan pewartaan kawasan.
- c. Ketua Operasi Lapangan (Field Crew Leader) bagi pelaksanaan fungsi-fungsi berhubung pentadbiran kerja di lapangan dalam penguatkuasaan Ordinan Hutan, Ordinan Taman Negara dan Ordinan Hidupan liar seperti tugas-tugas:
 - i. pembangunan dan pengurusan hutan, operasi hutan, penyelidikan hutan, industri perkayuan, ladang hutan dan pewartaan hutan.
 - ii. pemprosesan dan penyediaan lesen dan permit yang melibatkan hidupan liar.
 - iii. pemprosesan dan penyediaan lesen dan permit pembalakan.
 - iv. menjalankan inventori hidupan liar, inventori hutan.
 - v. kerja pemotongan dan penandaan sempadan dan lain-lain.
- d. Melaksanakan kerja-kerja di lapangan bagi tugas-tugas pengurusan hutan, operasi hutan, penyelidikan hutan, industri perkayuan, ladang hutan, pewartaan kawasan hutan serta penguatkuasaan Ordinan Hutan, Ordinan Taman Negara dan Ordinan Hidupan Liar.
- e. Melaksanakan tugas-tugas risikan, rampasan, pencegahan pencerobohan hutan, rondaan sempadan hutan simpan, pengukuran sempadan hutan simpan dan ladang hutan, pengauditan hasil keluaran hutan, pengambilan data-data penyelidikan, pengecaman flora dan fauna, serta melaksanakan arahan tugas berhubung kerja-kerja bagi Pembangunan Hutan, Pengurusan Hutan, Operasi Hutan, Penyelidikan Hutan,

Industri Perakayuan, Perladangan Hutan serta Penguatkuasaan Ordinan Hutan, Ordinan Taman Negara dan Ordinan Hidupan Liar bagi mencapai matlamat fungsi jabatan.

- f. Mengawasi dan memastikan manual prosedur kerja di lapangan dipatuhi dan dikuatkuasakan oleh syarikat pembalakan dan agensi-agensi sektor perhutanan.
- g. Mengumpul dan mengambil data dan rekod di lapangan bagi penyediaan perancangan kerja serta laporan-laporan kemajuan dan sasaran kerja bulanan dan tahunan bagi unit/ bahagian/ jabatan.
- h. Mengawasi dan menjalankan kerja-kerja operasi dan pengurusan hutan seperti pengukuran sempadan hutan, pemotongan dan penandaan sempadan hutan, pemertaaan kawasan hutan, penyelidikan, pengauditan, pemeriksaan dan pengawasan lesen-lesen pembalakan dan kilang-kilang industri perakayuan dan menyelaraskan kerja-kerja tapak samaian ladang hutan.
- i. Pegawai penyiasat bagi tugas-tugas penguatkuasaan Ordinan Hutan, Ordinan /Taman Negara dan Ordinan Hidupan Liar.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Pegawai atasan di dalam organisasi yang sama
- b. Rakan sekerja di unit/bahagian yang sama.
- c. Kakitangan bawahan di dalam jagaan Renj Hutan/ unit.

Luaran

- a. Orang awam
- b. Jabatan/agensi kerajaan yang lain
- c. Pelesen/kontraktor pembangunan hutan, pengusahasilan hutan dan industri berasaskan kayu.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Pejabat
 - i. Dalam pejabat renj hutan/ unit.

- ii. Persekitaran pejabat.
- iii. Pusat latihan.
- b. Luar Pejabat
 - i. Balai Pemeriksaan Hutan.
 - ii. Hutan Lipur.
 - iii. Tapak Semaian.
 - iv. Pusat Latihan.
 - v. Rizab Hutan (Hutan Simpanan Kekal dan Tanah Kerajaan).
 - vi. Industri Berasaskan Kayu.
 - vii. Kuari dan loji pengeluaran hasil hutan.
 - viii. Kawasan lesen pembangunan hutan dan pengusahaan hutan (Hutan Darat dan Hutan Paya Laut).
 - ix. Kawasan pembalakan.
 - x. Hutan paya bakau.

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- a. Pengetahuan mengenai flora dan fauna.
- b. Pengetahuan mengenai pemuliharaan alam sekitar.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Berminat dengan bidang perhutanan.
- b. Tahan lasak untuk bekerja di lapangan.
- c. Bersih, cekap dan amanah.
- d. Berintegriti.
- e. Bertanggungjawab.
- f. Kemahiran berkomunikasi.

9. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Terdedah kepada bahaya penyakit berjangkit (zoonotik).
- b. Terdedah kepada kecederaan diri semasa kerja di lapangan.
- c. Penyelewengan semasa kerja.
- d. Kepentingan diri.
- e. Terdedah pada unsur rasuah.
- f. Terdedah kepada kemalangan di tempat kerja.

Sumber: Emel dari Jabatan Perhutanan Negeri Perak bertarikh 4 Oktober 2012. Emel dari Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak bertarikh 26 September 2012.